

**INTERNATIONAL JOURNAL OF
HUMANITIES, PHILOSOPHY
AND LANGUAGE (IJHPL)**www.ijhpl.com**ASPEK PEMIKIRAN KREATIF DALAM KUMPULAN CERPEN
CERITA MONYET, ANJING, DAN POHON GINKGO KARYA
JASNI MAT LANI***ASPECTS CREATIF THINKING IN SHORT STORIES OF MONKEY, DOG, AND
GINKGO TREE BY JASNI MAT LANI*Norfazila Aron^{1*}¹ Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia

Email: norfazilamimie94@gmail.com

* Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 05.03.2020

Revised date: 09.04.2020

Accepted date: 14.09.2020

Published date: 15.09.2020

To cite this document:

Aron, N. (2020). Aspek Pemikiran Kreatif dalam Kumpulan Cerpen Cerita Monyet, Anjing, dan Pohon Ginkgo Karya Jasni Mat Lani. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 3 (11), 32-44.

DOI: 10.35631/IJHPL.311004.**Abstrak:**

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis aspek pemikiran kreatif dalam kumpulan *Cerpen Cerita Monyet, Anjing, dan Pohon Ginkgo* karya Jasni Matlani. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti aspek pemikiran kreatif serta mengaplikasikan pemikiran kreatif berdasarkan *Teori SPB4L*. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan *Teori sistem Pemikiran Bersepadu 4 L (Luhur, lahir, logik, dan Lateral)* oleh Yusof Hassan. Berdasarkan teori ini, pemikiran luhur serta pemikiran logik merupakan sebuah pemikiran yang sering dikaitkan dalam penceritaan jalan cerita. Pemikiran luhur merupakan aspek kerohanian dalam kehidupan. Manakala, pemikiran logik pula, mementingkan fakta serta sesebuah peristiwa yang berlaku untuk membentuk sejarah dalam sesebuah kehidupan tersebut. Selain itu, Pengkaji membataskan kajian dengan mengkaji sebanyak 5 buah cerpen dalam kumpulan cerpen tersebut. Karya ini dipilih sebagai bahan kajian kerana dalamnya terkandung unsur-unsur jati diri, nilai-nilai murni, dan kehidupan masyarakat yang digambarkan kepada bukan manusia. Analisis kajian ini mendapati bahawa aspek pemikiran kreatif digunakan sebaik yang mungkin oleh penulis. Kajian ini berkisarkan tentang corak peribadi masyarakat itu sendiri dan diperlihatkan melalui watak-watak yang bukan manusia serta sejarah melalui cerpen dalam kumpulan cerpen *Cerita Monyet, Anjing, dan Pohon Ginkgo*. Kesimpulannya, kajian ini bukan sahaja memperlihatkan kekreatifan dan kegigihan pengkarya

malah dapat melihat pengadaptasian di antara nilai-nilai kemanusiaan dengan pendekatan teori SPB4L

Kata Kunci:

Kumpulan Cerpen Cerita Monyet, Anjing, Dan Pohon Ginkgo, Aspek Pemikiran Kreatif, Teori SPB4L

Abstract:

This study aims to analyze aspects of creative thinking in the Collection Short Stories Monkeys, Dogs, and Ginkgo Trees by Jasni Matlani. This study was conducted to identify aspects of creative thinking and as well as apply creative thinking based on SPB4L Theory. In this study, the researcher used the Theory SBP4L Integrated Thinking System (Upper, Born, Logic, and Lateral) by Yusof Hassan. Based on this theory, noble thinking as well as logical thinking is a thought that is often associated with storytelling. Noble thinking is a spiritual aspect of life. Meanwhile, logical thinking, on the other hand, emphasizes the facts and an event that happened to form history in life. In addition, the researcher limited the study by studying a total of 5 stories in a group of short stories. This work was chosen as the study material because it contains elements of identity, pure values, and community life that are described to non-human beings. The analysis of this study found that the creative thinking aspect is used as best as possible by the author. This study revolves around the personal patterns of society itself and is shown through non-human characters and history through stories in the Collection Short Story of Monkeys, Dogs, and Ginkgo Trees. In conclusion, this study not only shows the creativity and perseverance of the artist but also can see the adaptation between human values with the SPB4L theoretical approach.

Keywords:

Collection of Short Stories of Monkeys, Dogs, and Ginkgo Trees, Aspects of Creative Thinking, SPB4L Theory

Pengenalan

Kesusasteraan merupakan sebuah bidang yang mencakupi ke semua aspek lebih-lebih lagi dalam penulisan yang kreatif sehingga setiap pengarang tersebut mempunyai moral serta nilai-nilai yang perlu untuk mendidik para pembaca. Karya sastra seperti novel, cerpen, pantun, syair, sajak dan cerita rakyat jelas mencerminkan nilai-nilai murni yang diamalkan oleh manusia dan telah memulakan tradisi penerapan nilai-nilai murni kepada masyarakat. Sastra moden melalui hasil karya cerpen dan novel turut menyambungkan tradisi tersebut dengan menerapkan nilai-nilai murni kepada masyarakat.

Cerita pendek atau sering disebut cerpen adalah suatu bentuk bentuk prosa naratif fiktif. Cerita pendek cenderung padat dan langsung pada tujuannya dibandingkan dengan karya-karya fiksi yang lebih panjang seperti novella (dalam pengertian modern) dan novel. Pengertian cerita pendek bukan ditentukan oleh banyaknya halaman untuk mewujudkan cerita tersebut atau sedikitnya tokoh yang terdapat di dalam cerita itu, melainkan disebabkan oleh ruang lingkup permasalahan yang ingin disampaikan oleh pengarang dalam bentuk karya sastra tersebut.

Kajian ini menitikberatkan nilai moral yang disampaikan oleh penulis berdasarkan watak yang digunakan oleh pengarang. Sejalan dengan itu, kajian ini menganalisis pemikiran moral mengikut jalan sesebuah cerita yang dibina oleh pengarang dan hubungannya dalam mendidik pemikiran pembaca. Maka kajian ini dijalankan dengan menggunakan kumpulan cerpen yang telah dipilih oleh penyelidik untuk mengetahui sejauh mana aspek pemikiran ini dapat membentuk peribadi pembaca serta penulis itu sendiri. Penyelidik telah menggunakan Teori SPB4L untuk cuba mengenalpasti aspek-aspek yang menggambarkan pemikiran ini menerusi watak dan jalan cerita dalam penulisan kumpulan cerpen Jasni Matlani.

Penyataan ini jelas menunjukkan bahawa aspek pemikiran ini amat penting diwujudkan dalam sesebuah cerita mahupun watak itu sendiri agar penulisan pengarang lebih menunjukkan moral kemanusiaan itu wujud dan dapat menarik hati pembaca. Melalui kajian inilah dapat mencungkil aspek pemikiran dengan menggunakan teori SPB4L.

Kumpulan cerpen ini merupakan sentuhan imaginatif Jasni Matlani dalam bermain dengan medan kreativiti yang sarat dengan mesej tersurat dan tersirat. Ianya menampilkan pelbagai teknik yang ada kalanya bersifat eksperimen melalui penggulangan pengalaman dan perjalanan yang luas. Melalui corak penulisan inilah yang menyebabkan pengkaji ingin membuat kajian corak kekreatifan penulisan serta idea bagi menggambarkan nilai masyarakat yang perlu dipupuk. Dalam perjalanan itu adakalanya penulis menemukan rangkaian cerita yang berpecah-pecah tetapi akhirnya bersatu dalam bentuknya. Demikian juga penulis mengasimilasikan dunia nyata, fantasi, fakta, dan sejarah melalui watak yang menyelurahi persekitarannya, watak-watak yang berdialog dengan peristiwa, bermain dengan latar dan mesej, berhujah dengan emosi, membentuk simulasi tanpa garis sempadan realiti, dan titiknya membawa khalayak membentuk keperibadian unggul.

Objektif kajian juga dapat menentukan tindakan yang bakal diambil apabila kajian dibentuk kelak. Dengan itu, perancangan perlulah dibuat dengan teliti supaya penyediaan kajian objektif kajian yang dilakukan dengan dilaksanakan baik. Bagi penyelidikan ini penyelidik menggunakan kaedah kualitatif bagi mengumpul data kajian.

Objektif Kajian

Objektif kajian lebih tertumpu kepada sebab-sebab sesuatu tajuk dipilih oleh seseorang pengkaji, atau dengan erti kata lain ialah matlamat terhadap sesebuah kajian yang dijalankan.. Berikut merupakan dua objektif kajian ini dijalankan:

- i) Menenalpasti aspek pemikiran kreatif dalam *kumpulan Cerpen Cerita Monyet, anjing, dan pohon ginkgo*.
- ii) Menghuraikan pemikiran kreatif dalam kumpulan cerpen tersebut dengan mengaplikasikan *Teori SPB4L*.

Persoalan Kajian

Soalan kajian ini menjadi salah satu petunjuk melalui objektif kajian pengkaji. Berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan kajian ini juga mempunyai dua persoalan untuk mengupas segala isu yang ingin dikaji oleh pengkaji. Berikut merupakan beberapa soalan kajian ini dijalankan:

- i) Apakah aspek-aspek pemikiran kreatif yang wujud dalam *Kumpulan Cerpen Cerita Monyet, Anjing Dan Pohon Gingko*?
- ii) Sejauhmanakah Teori SPB4L dapat diaplikasikan dalam *Kumpulan Cerpen Cerita Monyet, Anjing Dan Pohon Gingko*?

Batasan Kajian

Batasan kajian ini membincangkan aspek pemikiran kreatif yang wujud dalam *Kumpulan Cerpen Cerita Monyet, Anjing, Dan Pohon Gingko* karya Jasni Matlani. Cerpen ini dipilih kerana karya ini pernah menerima anugerah sastera perdana Malaysia dalam kategori Kumpulan cerpen anjuran ITBM. Buku *Kumpulan Cerpen Cerita Monyet, Anjing Dan Pohon Gingko* (ITBM, 2015), penulis yang berasal daripada Sabah ini iaitu Jasni Matlani.

Kajian ini akan memberikan tumpuan khusus kepada cerpen-cerpen hasil tulisan pengarang iaitu jasni matlani. Di mana kajian ini tidak pernah dikaji oleh mana-mana penyelidik, oleh sebab itu penyelidik ingin mencungkil pemikiran yang wujud dalam sesebuah karya tersebut bagi membuktikan bahawa aspek pemikiran kreatif mampu mengubah sesebuah perwatakan dan jalan cerita tersebut menjadi lebih menarik bahkan ia menambahkan lagi unsur suspens dalam cerita.

Kumpulan cerpen ini mengandungi 20 buah cerpen. Daripada 20 buah cerpen tersebut terdapat 5 buah karya yang mengandungi aspek kreativiti yang berlandaskan ciri-ciri dalam Teori SPB4L tersebut. Antara aspek yang diutamakan dalam aspek kreativiti adalah pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikan, dan pemikiran kemanusiaan. Kajian ini juga dikaji dengan menggunakan Kaedah Kualitatif. Malah, pengumpulan data yang digunakan hampir kesemuanya dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan penganalisan data. Teks ini juga merupakan salah satu karya yang bersifat imaginatif dengan pengolahan cerita berunsurkan alam dan menggunakan mesej yang tersurat dan tersirat.

Tinjauan Literatur

Terdapat dalam kajian-kajian lalu yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu membincangkan berkenaan dengan aspek pemikiran kreatif serta penggunaan Teori SPB4L dalam mengupas aspek pemikiran. Salah satunya adalah kajian yang bertajuk “mengkaji kembali ke fitrah dalam puisi-puisi suhaimi haji Muhammad” yang dikaji oleh Samsina Abd Rahman (2013). Hasil dapatan dalam kajian mendapati manusia dalam hidupnya sentiasa perlu diingatkan, dinasihati dan dipesankan agar tidak melupai tanggungjawab dan amanah sebagai hamba Allah dan Khalifah-Nya. Analisis yang dapat diperolehi di mana penggunaan aspek pemikiran luhur kerana dalam penulisan karyanya memperlihatkan unsur keagamaan. Mereka juga diingatkan tentang janji Allah berhubung balasan syurga dan neraka di akhirat kelak yang semuanya tergantung kepada amal perbuatan sewaktu hidup di dunia ini. Justeru penyair terkenal dan prolific Suhaimi Hj. Muhammad telah dengan gigihnya menggunakan genre puisi sebagai wadah dakwah buat seluruh umat manusia khususnya umat Islam, saudara seagama yang perlu dipesankan dan ditegaskan atas nama peranan dan tujuan manusia diciptakan. Analisis ini mengaplikasikan teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4L (SPB4L) janaan Mohd Yusof Hasan dan sebagai rumusannya telah ditemui keempat-empat pemikiran tersebut iaitu Lahir, Logik dan Lateral, secara bersepadu dalam puisi-puisi yang dikaji.

Kajian seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Ani Omar (2017) yang bertajuk “mengetengahkan Sekumpulan Puisi Kanak-Kanak Berjudul Dari Jendela Terbuka karya Anis”. Hasil kajian tersebut mengungkapkan pelbagai fenomena kehidupan berdasarkan sensitiviti dan kreativiti pengarang. Pengkaji juga turut menggunakan teori SPB4L ini untuk menilai puisi tersebut sekaligus penggunaan kreatif dalam menghasilkan puisi tersebut. Penelitian akan berfokus kepada tiga unsur utama yang membina kreativiti dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa serta kesusasteraan itu. Pertama, seni bahasa yang menjadi alat pengucapan pengarang. Kedua, isi iaitu fenomena kehidupan yang menyangkut persoalan manusia, kemanusiaan, dan ketiga kreativiti iaitu, cara penampilan bakat pengarang melalui gaya penciptaan. Ketiga-tiga fokus utama ini akan dikaitkan dengan teori pemikiran bersepadu iaitu Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4L/4K (SPB4L/4K) yang sesuai diaplikasikan di dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa dan kesusasteraan Melayu.

Berdasarkan kajian lepas mengenai cerpen yang berkaitan dengan pemikiran juga turut didapati yang ditulis oleh Farrah Humairah Mohd dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2017) dalam artikel jurnal yang bertajuk “Pemikiran Kerohanian Dalam Cerpen Kanak-Kanak Pilihan Mutakhir Dan Kesan Positif Kepada Kanak-Kanak”. Kajian ini membincangkan pemikiran kerohanian yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak mutakhir terpilih. Cerpen kanak-kanak masa kini, telah mencetuskan ketidakpuasan hati para Panel Penilai Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM) akibat kemerosotan mutu penghasilan cerpen kanak-kanak. Dalam kajian ini kaedah yang digunakan ialah kaedah kualitatif iaitu kaedah analisis teks. Justeru, kajian ini akan mengenal pasti dan menganalisis pemikiran kerohanian yang diungkapkan oleh pengarang dalam setiap karya yang dihasilkan mampu memberi kesan positif kepada kanak-kanak ataupun sebaliknya. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis unsur kesepaduan pemikiran kerohanian yang digarap oleh pengarang dengan melihat kesan positif yang dipaparkan daripada pemikiran tersebut kepada khalayak pembaca khususnya kanak-kanak. Justeru, kajian ini mengambil satu unsur pemikiran daripada teori tempatan, iaitu Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) yang diperkenalkan oleh Mohd Yusof Hasan berteraskan falsafah kesepaduan pemikiran.

Marzalina Mansor (2016) dalam artikelnya yang bertajuk “Pemikiran Dalam Novel Sebalik Yamashita Dan Percival” mengkaji aspek pemikiran pengarang dalam *novel Sebalik Yamashita* dan *Parcival* karya Shaari Isa yang diterbitkan oleh Institut Terjemahan & Buku Malaysia pada tahun 2015. Aspek pemikiran pengarang dalam novel ini dikaji dan dianalisis secara kualitatif. Kajian mendapati pemikiran yang cuba ditonjolkan oleh pengarang ialah pemikiran kolonialisme dan imperialisme, pemikiran politik dan kepimpinan, dan yang ketiganya ialah pemikiran sejarah. Seterusnya, bagi melengkapkan nilai yang terkandung dalam novel ini, kajian mendapati pengarang mendedahkan gambaran masyarakat dan permasalahan yang ditonjolkan bagi melengkapkan informasi yang terkandung dalam novel ini. Kajian ini penting untuk mendedahkan pemikiran dan stail yang digunakan oleh pengarang dalam menghasilkan sesebuah karya, khususnya novel.

Kajian lepas seterusnya, Seiva Subramaniam Ramiah (2015) dalam tesis Doktor Falsafah mengkaji berkaitan dengan aspek pemikiran iaitu bertajuk “Pemikiran masyarakat Tamil awal dalam kesusasteraan Tamil klasik / Seiva Subramaniam a/l Ramiah”. Kajian ini mengkaji tentang pemikiran masyarakat Tamil Awal yang dipaparkan dalam hasil kesusasteraan Tamil klasik. Tujuan asas kajian ini ialah untuk mengenal pasti dan mendedahkan pemikiran

masyarakat Tamil awal yang dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Kajian ini berbentuk penyelidikan kualitatif yang menjurus kepada penyelidikan perpustakaan di mana kaedah interpretasi kesusasteraan digunakan. Data-data yang dikumpul, diatur mengikut kategori secara teliti dengan menggunakan metod Hermeneutik. Bagi mendedahkan pemikiran masyarakat Tamil awal, sebuah teori tempatan yang digelar Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4L (SPB4L) digunakan. Pembuktian teori ini dibuat bersesuaian dengan pokok persoalan kajian yang ditetapkan. Penemuan yang diperolehi dari sini dianalisis dan dikemukakan sebagai kesimpulan. Hasil kajian mendedahkan, pemikiran masyarakat Tamil awal memiliki kekuatan dan kekayaan fakta yang menunjukkan keserasian dengan kerangka Teori SPB4L

Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dijalankan mempunyai kepentingan yang tersendiri samada untuk masyarakat, pengkaji sendiri serta pengkaji-pengkaji lain. Bertolak dari kajian ini akan menghasilkan kajian lain yang lebih mantap lagi bermanfaat kepada masyarakat. Selain itu, kajian ini penting bagi memberikan pengetahuan kepada masyarakat berkenaan dengan aspek pemikiran kreatif dan juga penggunaan teori dalam kumpulan cerpen Jasni Matlani.

Selain itu, Kajian yang dijalankan ini memberikan kepentingan terhadap pengkaji-pengkaji yang ingin mengkaji tentang Jasni Matlani khususnya pemikiran yang dilontarkan dalam hasil pengkaryaan beliau. Melalui kajian ini, pengkaji akan lebih mengetahui lagi serba sedikit mengenai era penulisan yang berdasarkan pemikiran kreatif ini.

Kajian ini juga dijalankan supaya masyarakat dapat melihat atau mengetahui sebab sesuatu cerpen itu dihasilkan. Setiap cerpen yang ditulis oleh penulis karya mempunyai sebab dan rasionalnya yang tersendiri dalam membentuk peribadi serta kehidupan setiap masyarakat. Tambahan pula, penglibatan pengarang dengan masyarakatnya penting kerana dia berada dalam ruang dan masa bagi menyatakan tentang masyarakatnya. Aspek pemikiran kreatif yang digarap ini menempatkan penyampaian yang membawa maksud yang lebih teratur dan dapat membantu pengkaji untuk menyusun lebih berstruktur.

Seterusnya, hasil kajian ini juga akan menjadi dokumentasi kepada universiti serta rujukan kepada kajian-kajian lain pada masa akan datang supaya ingatan kepada sumbangan tokoh pengkarya ini tidak kunjung padam dan lenyap di telan zaman. Kajian ini juga penting untuk mengembangkan dan menyebarkan penulisan kreativiti penulisan sangat penting dalam penghasilan karya yang baik serta bermutu. Seterusnya, diharapkan akan mewujudkan penulis-penulis yang berdedikasi dalam penyampaian olahan sesebuah karya itu dengan berguna.

Metodologi Kajian

Pengkaji menggunakan kaedah Kepustakaan dalam menjalankan kajian ini. Kaedah kajian ini membolehkan data yang bersesuaian atau relevan dengan masalah atau topik yang ingin dikaji diperolehi daripada buku-buku ilmiah, hasil penyelidikan orang lain, laporan penelitian, ensiklopedia dan sumber-sumber bertulis. Pendekatan teori yang digunakan oleh penulis melalui sumber yang berkualiti dan bertaraf ilmiah. Kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif di mana pengkaji hanya mengkaji bahan teks kajian yang telah dipilih pengkaji.

Selain itu, kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah kepustakaan. Kaedah ini akan menggunakan institusi seperti perpustakaan, bilik sumber, arkib dan tempat-tempat lain yang


mengandung bahan bertulis bagi mendapatkan maklumat. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat mencari rujukan asas kajian bagi membantu pengkaji untuk menyempurnakan kajian ini dengan baik. Kaedah ini juga penting bagi membantu pengkaji mendapatkan gambaran yang jelas mengenai prinsip, konsep, kaedah kajian. Perpustakaan yang diberi tumpuan ialah Perpustakaan Tunku Bainun. Perpustakaan ini telah menjadi tempat utama pengkaji untuk mencari bahan rujukan dan maklumat.

Selain itu, kaedah menganalisis data juga turut digunakan dalam kajian ini. Analisis data digunakan untuk menganalisis teks iaitu setiap cerpen dalam *Kumpulan Cerpen Cerita Monyet, Anjing, Dan Pohon Gingko*. Kaedah ini digunakan oleh pengkaji dengan menganalisis 5 buah cerpen daripada kumpulan cerpen yang dipilih. Analisis data ini digunakan untuk melihat aspek pemikiran kreatif yang terdapat daripada petikan cerpen tersebut. Melalui analisis inilah dapat digubal dan di catat oleh pengkaji dan seterusnya menjawab objektif kajian pengkaji.

Konsep analisis kajian ini juga menggunakan Teori SPB4L yang diasaskan oleh Mohd Yusof Hasan. Teori ini berfungsi untuk mengenalpasti aspek kreatif berdasarkan penciptaan sesebuah karya kreatif. Aspek utama dalam Teori ini merupakan aspek pemikiran kreatif. Oleh sebab itu, pemikiran kreatif ini juga diaplikasikan kepada teori SPB4L iaitu pemikiran luhur, pemikiran lahir, pemikiran logik, pemikiran Lateral. Melalui aspek inilah yang akan dilihat dalam kumpulan cerpen tersebut dan untuk dianalisis bagi mencapai objektif kajian yang dinyatakan dalam kajian ini.

Teori sistem Pemikiran Bersepadu 4 L (Luhur, lahir, logik, dan Lateral) SPB4L telah diasaskan oleh Mohd. Yusof Hasan pada tahun 2001. Menurut beliau, teori ini mementingkan konsep bersepadu antara keempat-empat pemikiran L tersebut. Konsep 4L terdiri daripada Luhur, Lahir, Logik dan Lateral. pemikiran iaitu pemikiran Luhur ialah kemahiran keagamaan, pemikiran Lahir ialah kemahiran akal atau minda, pemikiran Logik ialah kemahiran sains dan teknologi dan pemikiran Lateral ialah kemahiran seni dan kreatif. Sebagai pencetus dan pengasas teori SPB4L, Mohd Yusof Hasan menjelaskan bahawa keempat-empat jenis pemikiran tersebut hendaklah disepadukan dalam diri setiap manusia supaya memperoleh kemahiran dan menjadi amalan dalam kehidupan seharian.

Dalam bidang kesusasteraan, pemikiran ini dikaitkan dengan aspek latar dan suasana, sejarah dan kemasyarakatan. Akhirnya prinsip keempat iaitu pemikiran lateral atau kekreatifan ialah pemikiran yang tidak mementingkan logik, fakta atau kebenaran. Ia lebih mementingkan aspek kreativiti, imaginasi, rekaan dan khayalan, seni estetika dan keindahan (2004: 199). Prinsip-prinsip tersebut akan diperincikan sebagai kerangka dan landasan untuk menganalisis kumpulan cerpen Jasni Matlani iaitu *Cerita Monyet, Anjing dan pohon gingko*.



Rajah 1: Empat Jenis Pemikiran Menggunakan Teori SPB4L

Dapatan dan Perbincangan

Persoalan kajian 1: Apakah aspek-aspek pemikiran kreatif yang wujud dalam Kumpulan Cerpen Cerita Monyet, Anjing Dan Pohon Ginkgo?

Berdasarkan persoalan kajian ini telah membantu pengkaji untuk mencapai objektif kajian yang diinginkan. Di mana aspek pemikiran kreatif yang diambil kira dari aspek peradaban masyarakat. kehidupan sesebuah masyarakat tersebut, nilai-nilai kemanusiaan serta pengolahan kreatif pengkarya dalam menghasilkan susunan sesebuah cerita itu menarik. Melalui beberapa aspek inilah yang akan dilihat berdasarkan pemikiran penulis. Peradaban merupakan aspek penting dalam pemikiran kreatif penulis yang mencorakkan jalan cerita sesebuah cerpen itu. Penyelidik menekankan bahawa pemikiran sesuatu masyarakat dapat membongkarkan tahap perkembangan masyarakat tersebut dalam pelbagai bidang. Hal ini adalah kerana, penggarapan karya dapat mengungkit kembali sejarah dan ketamadunan sesebuah masyarakat W.H. Hudson, (1913: 11-13). Sekiranya sesuatu masyarakat ingin mencapai sistem budaya dan peradaban yang tinggi, maka mereka harus mengetahui perkembangan budaya manusia dari masa lampau sehingga kini yang dapat dilakukan melalui hasil pengajian terhadap bahan-bahan kesusasteraan. Hal ini dapat dilihat dalam Cerpen *Cerita Cinta di Bawah Pohon Ginkgo*. Penulis telah mengembangkan ceritanya dengan pembentukan budaya masyarakat yang sedia ada.

“Kata Haji Yusof Feng Qua Chang, yang mengawal pintu masuk masjid itu, selain pengunjung beragama islam, terdapat juga pengunjung bukan agama islam yang melawat masjid berkenaan dan biasanya dikenakan sedikit bayaran tetapi pengunjung beragama islam dibenarkan masuk secara percuma. Masjid Niujie adalah masjid yang terbesar di sekitar kota Beijing dan usianya sudah menjangkau ribuan tahun,” Masjid Niujie mula dibina pada tahun 996 oleh seorang pendakwah dan saudagar Arab bernama Nasuruddin. Islam telah berkembang di China ketika tanah kelahirannya masih lagi merupakan sebuah hutan tebal yang belum dihuni manusia”.

(Cerita Cinta di Pohon Ginkgo :29)

Berdasarkan petikan di atas dapat dilihat pemikiran kreatif yang coba digarap oleh penulis adalah melalui sejarah sesebuah negara itu. Bahkan budaya masyarakat yang harmoni jug turut dipertontonkan kepada pembaca untuk mengetahui peradaban manusia mengikut budaya negara serta masyarakat di negara luar. Watak yang digarap juga turut mempamerkan perbezaan budaya kerana ia menggambarkan masyarakat yang berbeza kaum namun menganuti agama yang salam iaitu Islam. Budaya sebeginilah yang menjadi pencetus untuk menaikkan lagi perpaduan walaupun berbeza bangsa dan negara. Perubahan masa dan budaya ini telah menjadi satu titik tolak dalam membina perubahan manusia sejagat.

Selain itu, penulis juga menengahkan aspek pemikiran kreatif iaitu semangat patriotisme dalam membangkitkan isu-isu peperangan sebagai peringatan sejarah dunia kepada pembaca. Aspek ini dapat dilihat dalam cerpen Mencari kaki Langit di mana penulis mengolah semula peristiwa 11 September, di mana peristiwa ini mengenai serangan Menara Kembar WTC di Manhattan A.S. malah membangunkan beberapa isu konspirasi dan sebenarnya tidak pernah melibatkan pejuang Islam dan Al-Qaeda.

“Ya, betul.” Aku memintas, dengan memperlihatkan watak melawan yang selalu sukar dikawal dalam diriku. “Tapi bukankah Presiden Amerika Syarikat, George W. Bush sudah mengetahui lebih awal serangan berkenaan? Bagaimana dia boleh membayangkan negara kuasa besar yang diterajunya itu akan diserang melalui pesawat yang melanggar bangunan pencakar langit di negaranya, beberapa minggu sebelum dia berucap di hadapan sejumlah pemimpin G-8 di Genoa, Itali? Maknanya, dia sudah menjangkakan scenario tersebut,” sambungku.

(Mencari Kaki Langit : 4)

Berdasarkan petikan di atas dapat dilihat bagaimana pengarang telah mencetuskan kembali sejarah sebagai pedoman kepada pembaca serta masyarakat setempat. Perbualan yang dibincangkan oleh watak Aku dengan Irene dalam mempersoalkan sejarah peperangan yang mengaitkan isu agama. Tuntasnya, pengarang telah mengutamakan bahawa melalui peperangan itulah yang membuatkan sesebuah negara itu kucar-kacir akibat fitnah dan olah daripada orang ketiga. Penyebaran fitnah ini telah menunjukkan betapa tingginya impak negatif kepada sesebuah negara itu malahan perhubungan juga turut terkena tempiasnya. Melalui penganalisan inilah dapat dilihat pemikiran logik ini merupakan aspek kreatif penulis dalam penulisan karyanya.

Seterusnya, pengarang juga turut memberikan aspek pemikiran kreatif dari aspek politik yang kejam. Dalam dunia politik kini ia semakin hari semakin kelam unsur nilai-nilai murni kerana disebabkan tenggelam dalam dunia tamak haloba dan keegoan yang tinggi. Hal ini dapat dilihat dalam teks tersebut.

“Malah ada yang mengisahkan riwayatnya dalam buku yang tebal dan ditulis dengan tinta emas. Semuanya memuja presiden menggunakan apa sahaja cara untuk berkuasa, termasuklah menggunakan segala binatang ganas bagi memastikan *survival* kekuasaannya. Pernah Tuan Presiden menggunakan serigala dan

Pontianak seperti yang ditonton dalam filem Abraham Lincoln: vampire Hunter yang mengkritik dan cuba menjatuhkannya. Pada setiap kali bulan mengambang, kota itu biasanya bermandikan darah, dengan setiap serigala dan Pontianak lapar dan dahagakan darah.”

(Pohon Berbau Harum:198)

Melalui petikan di atas dapat dilihat bagaimana politik telah menjadi taruhan untuk mendapat kekayaan dan kemasyhuran dunia. Watak Presiden menjadi lambang bahawa kekejaman kepada masyarakat di dunia reality pada masa kini. Untuk mendapatkan jawatan sebagai pemimpin negara sehingga sanggup untuk melukan perkara yang diluar batasan sebagai seorang manusia. Amalan bunuh-membunuh tidak lagi dipandang ringan malahan semakin menjadi-jadi. Perkara terkutuk itu dilakukan hanya untuk memuaskan nafsu dan ketamakan dunia semata-mata. Pemikiran dari segi politik ini dapat dilihat bagaimana jalan sesebuah cerita itu digarap dengan lebih menarik dan menjadi perhatian kepada pembaca.

Persoalan kajian 2: Sejauhmanakah Teori SPB4L dapat diaplikasikan dalam Kumpulan Cerpen Cerita Monyet, Anjing dan Pohon Gingko?

Aspek pemikiran kreatif berdasarkan teori SPB4L ini telah merujuk kepada aspek utama pemikiran luhur. Pemikiran Luhur juga turut dibahagi kepada beberapa aspek dalam kumpulan cerpen ini kerana memudahkan pengkaji dalam menganalisis teks ini. Kerohanian serta nilai-nilai murni dapat dilihat dalam teks kumpulan cerpen ini. Salah aspek pemikiran luhur adalah nilai ikhlas dalam menjalankan tanggungjawab amahupun menjalankan perintah Tuhan.

“Dia selalu mengutip dedaun itu sehelai demi sehelai sebaik sahaja selesai solat subuh, ketika semua Jemaah meninggalkan masjid kecuali Imam Rawatib yang selalu mengingatkannya supaya menutup lampu yang biasanya masih menyala di tengah ruang masjid. Kemudian, dia mengunci pintu pagar masjid apabila hendak meninggalkan masjid. Dia mengutip dedaun itu dengan penuh pasrah dan ketulusan seolah-olah seorang hamba yang membersihkan rumah tuannya dengan segala ketaatan dan curahan kasih sayang.”

(Alif Ba Ta: 177)

Berdasarkan petikan tersebut dapat dilihat bagaimana pengarang telah menggarap nilai dengan penuh syahdu. Hal ini kerana, watak tersebut dihidupkan sebagai seorang yang taat pada perintah Allah SWT namun ia tidak mampu untuk membaca Al-Quran seperti orang lain dan watak Dia hanya mampu menangis dan menyentuh Al-Quran tersebut dan mengharapkan dirinya mampu membaca seperti orang lain. Pemikiran ini digambarkan semua perkara yang ingin diingini tidak semestinya mampu untuk dimiliki namun jika seseorang itu mengikhhlaskan sesuatu perkara tersebut jiwa dan hati akan sentiasa dalam keadaan aman dan tenteram

Seterusnya, pemikiran literal juga wujud dalam salah satu kumpulan cerpen cerita monyet, anjing, dan pohon gingko tersebut iaitu cerpen Ali Ba Ta dan cerpen Cerita Sebuah Peti. Hal ini dapat dilihat bagaimana kebijaksanaan sangat penting dalam menyelesaikan sesebuah masalah bahkan turut membentuk sebuah masyarakat yang harmoni.

“Kata Imam Rawatib, dia sebenarnya seorang pemuda yang baik. Jauh lebih baik daripada semuanya pemuda yang ada di kampung kami yang dipisahkan oleh sebatang sungai yang sentiasa mengalir tenang sepanjang musim. Walaupun dia sering menjadi bahan gurauan, terutama dalam kalangan pemuda yang sebaya atau orang-orang tua, termasuk Imam Rawatib kampung kami, tetapi kebaikannya mengambang seperti bulan penuh atau seperti permaidani lembut yang terhampar di sekeliling masjid kampung kami.”

(Ali Ba Ta: 176)

“Sebab itu, tokoh kampung kami itu tidak meletakkan peti berkenaan di tempatnya sekarang, walaupun dia berhak meletakkan peti itu di situ. Dia tidak melakukannya sebaliknya tokoh itu mencari sebidang kain putih, sama seperti baginda Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW membuka ikatan serbannya dan menghamparkan serban itu di tengah-tengah anggota kabilah ke sisi kaabah. Disebabkan kisah inilah tokoh tersebut turut mengikuti cara baginda untuk mengelakkan berlakunya pergaduhan.”

(Cerita sebuah Peti: 48)

Berdasarkan petikan-petikan tersebut dapat dilihat pemikiran kebitaraan turut terserlah dalam cerpen ini. Pengkaji telah mengambil petikan teks kerana telah menunjukkan sifat-sifat positif dalam teori SPB4L. Watak tokoh di kampung tersebut sangat terserlah kerana menunjukkan sifat kepimpinan yang sangat berwibawa dalam menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang pemimpin. Manakala, watak “Dia” pula seorang yang sangat ringan tulang dan sentiasa mementingkan masjid merupakan rumah Allah SWT yang paling aman dan nyaman baginya walaupun orang kampung memulaukannya tetapi dia sentiasa menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang manusia.

Pemikiran logik ataupun kesaintifikan juga turut dibincangkan dalam petikan kerana penulisan cerita memiliki kebenaran, kepastian, ketepatan dan kesahihan. Pemikiran ini juga adalah pemikiran kepastian yang membawa ke arah manusia saintifik. Dalam komunikasi sehari-hari antara manusia dalam penulisan, pembacaan, pertuturan dan pendengaran, manusia perlu menggunakan ilmu logik. Pengkaji mendapati bahawa dalam cerpen yang dikaji ini ternyata telah menerapkan ciri pemikiran kesaintifikan di dalam penulisan menerusi watak dalam karya mereka dan hal ini yang seterusnya berupaya digunakan sebagai asas dalam usaha meningkatkan sahsiah belia. Antara pemikiran kesaintifikan yang telah diketengahkan oleh penulis kreatif dalam kumpulan cerpen yang dikaji ini adalah ketulenan sejarah yang dihuraikan secara deskriptif.

“Namun setelah Hiroshima, bandar raya Jepun yang terkemuka itu menjadi padang jarak padang terkukur akibat bahana ledakan bom atom yang digugurkan oleh tentera Amerika Syarikat pada tahun 1945, tentera Jepun menyerah kalah tanpa syarat.”

(Pemburu merpati: 132)

Salah satunya adalah peperangan dalam kisah pengeboman nuklear di negara Jepun merupakan salah sebuah kisah yang pernah menjadi sejarah Negara Jepun sehingga hampir separuh ketamadunan di Jepun musnah. Melalui kisah inilah pengkaji menganalisis bahawa kekreatifan penulis memasukkan fakta dalam cerpen dan digabungkan cerita fantasi. Hal ini diperincikan lagi tentang corak kehidupan serta ketamadunan masyarakat dengan menggunakan binatang sebagai simbol masyarakat yang wujud dalam peperangan tersebut. Lantaran daripada inilah, perjalanan cerita dalam cerpen 'Pemburu Merpati' ini sangat menarik. Uji kaji penggunaan bom juga turut diceritakan serta teknologi sains turut digabungkan dalam proses berlakunya pengeboman nuklear tersebut.

Kesimpulan

Kajian ini telah mempamerkan tentang pengarang menggarap ideanya untuk membentuk sebuah cerita yang kreatif serta menarik dalam kumpulan cerpen ini. Kajian yang dilakukan ke atas 'Kumpulan Cerpen Cerita Monyet, Anjing, dan Pohon Gingko' ini banyak memaparkan pelbagai aspek pemikiran kreatif yang dicetuskan seperti pergolakan kehidupan masyarakat yang kejam, mengaitkan sejarah-sejarah peperangan terdahulu, budaya masyarakat yang pelbagai. Selain itu, pemikiran kreatif yang dapat dianalisis melalui teori SPB4L juga dapat dilihat melalui kumpulan cerpen tersebut. Teori SPB4L dapat dilihat menerusi watak-watak dan tema-tema yang dibangunkan dalam karya kerana dapat memaparkan pelbagai kehidupan dan budaya mengikut konteks penceritaan pengkarya. Oleh itu, kajian ini, didapati bersesuaian dalam mencetuskan idea yang kreatif kerana melambangkan pelbagai liku-liku kehidupan serta corak yang pelbagai mengikut situasi, kondisi serta sifat watak yang tertentu agar bertepatan dengan unsur pemikiran kreatif yang terkandung dalam Teori SPB4L

Rujukan

- Abdul Halim Ali. (2013). Pengantar Teori & kritikan sastera: Barat dan Malaysia. Selangor: Univison Press Sdn. Bhd.
- Ani Haji Omar. (2012). Kesusasteraan Dan Peranan Puisi Dalam Kehidupan Kanak-Kanak: Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan, (1), 87 – 12.
- Asmah Hj. Omar. (1986). Bahasa Dan Pemikiran Alam Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- A.Wahab Ali. (2009). Perkembangan Cerpen Melayu: Dari Cerita Moyang ke Dewan Sastera, (27), 109-123.
- Farra humairah & farrahumairah. (2016). Pemikiran Kerohanian Dalam Cerpen Kanak-Kanak Pilihan Mutakhir Dan Kesan Positif Kepada Kanak-Kanak: Dalam jurnal pendeta, Jilid 7.
- Jasni Matlani. (2015). Kumpulan Cerpen Cerita Monyet, Anjing dan Pohon Gingko. Kuala Lumpur: Institut terjemahan & Buku Malaysia.
- Marzalina Mansor. (2016). Pemikiran Dalam Novel Sebalik Yamashita Dan Percivel. Universiti Utara Malaysia: Proceeding of ICECRS.
- Mana sikana. (2013). Koleksi Teori Sastera: Klasik, Tradisional, Moden, Pascamoden Dan Tempatan. Bandar Baru Bangi: Pustaka Karya.
- Mohana A/P Munusamy. (2018). Nilai Moral Dalam Cerpen Karya P. Sundarapandian. Tesis ijazah sarjana. Tanjung malim: universiti pendidikan sultan idris.
- Mohd. Yusof Hassan. (2003). Pemikiran Saintifik SPB4L. Selangor: Longman Sdn.Bhd.
- Mohd, Yusof Hassan. (2002). SPB4L Melahirkan Insan Syumul. Dewan Sastera.

- Mohd. Yusof Hassan. (2003). Penerapan Teori SPB4L dalam Karya Abdullah Hussain. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd. Yusof Hassan. (2004). Siri Wacana Ilmu Profesor UPSI Pembinaan Teori Pendidikan Pemikiran UPSI. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sulatan Idris.
- Mohd, F. H & Nik Muhamad Affendi. (2016). Pemikiran Kerohanian Dalam Cerpen Kanak-Kanak Pilihan Mutakhir dan Kesan Positif Kepada Kanak-Kanak. *Pendeta: Jurnal Bahasa, Pendidikan Dan Sastera Melayu*, (7), 35-5.
- Otman Puteh. (2002). *Tip & Motivasi Penulisan Genre Cerpen*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Samsina Abd. Rahman. (2013). Kembali Ke Fitrah Dalam Puisi-Puisi Suhaimi Haji Muhammad: Dalam jurnal melayu *Jurnal Melayu*, Jilid 11.
- Sentamarai A/P Punusamy. (2018). Cerpen Karya I. Elavazhagu Dari Perspektif Nilai Kemanusiaan. Tanjung Malim: Univerisiti Pendidikan Sultan Idris.
- Siti Khariah Mohd Zubir. (2014). Pemikiran Khadijah Hashim dalam Novel *Badai Semalam dan Laila Azwa Gadisku untuk Membangunkan Sahsiah Belia*. *Jurnal Pendeta*, (5).